

TALKING POINT

BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

NAIB CANSELOR

UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS

SEMPENA SENAMROBIK DAN PERJUMPAAN MINGGUAN

PADA 10 FEBRUARI 2010

DI MULTIPURPOSE COURT KUBANG GAJAH

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Satu Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib
Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan, serta kakitangan
Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam
Satu Malaysia

Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Cao Shang
Hao, Magandang umaga (Bahasa Filipina), ahroonsawad
(Thailand).

- Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadhrat Allah SWT kerana diberi keizinan olehNya untuk sama-sama kita berkumpul pada pagi yang berbahagia ini. Sesungguhnya, pertemuan seumpama ini dapat menjadi medium untuk merapatkan lagi hubungan sesama kita selain dapat bersama-sama bersenamrobik dalam langkah memupuk budaya bersukan di kalangan warga kerja UniMAP.

- Sebagai hambanya yang sering melakukan kesilapan saya amat bersyukur kerana masih dipanjangkan usia pada tahun ini dengan melangkah setapak lagi pada usia 55 tahun untuk terus mencoret dan melihat kejayaan demi kejayaan yang bakal dilakarkan oleh warga UniMAP sepanjang tahun 2010 ini. Apa yang saya harapkan agar sentiasa dikurniakan nikmat kesihatan dan kekuatan untuk meneruskan hari-hari yang mendatang, semoga hari-hari yang bakal ditempuhi lebih bermakna dari sebelumnya. Amin.

Ladies and Gentlemen,

- We have entered the month of February and as we all know, this is a meaningful month to the Chinese who celebrate Chinese New Year. The Chinese New Year or Spring Festival is the most important of the traditional Chinese holidays. It is sometimes called the "Lunar New Year" by English speakers.
- We will be celebrating the Chinese New Year with all the international students from China as well as the others on the 15th of February at Dewan Kapitol, organized by CIA. It is also a great honour to all of us because His Royal Highness Tuanku Chancellor and Her Royal Highness Tuanku Pro Chancellor will be attending the function as well. To all staff and students, this is another chance to exhibit our appreciation for the cultural wealth we have long enjoyed as a nation, in the spirit of 1Malaysia.
- So let me take this opportunity to wish to all the Chinese staff and students a Happy and Prosperous New Year. May the Year of the Tiger will be a booming and successful year to all of us. Gong Xi Fa Cai!

Hadirin dan hadirat yang saya kasihi sekalian,

- Bersempena dengan perayaan Tahun Baru Cina yang bakal diraikan pada 14 dan 15 Februari ini saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat Tahun Baru Baru Cina kepada semua warga UniMAP yang berbangsa Cina.
- Dikesempatan ini juga, sudah pasti ramai yang akan mengambil peluang untuk bercuti dan pulang ke kampung halaman. Justeru itu, saya ingin berpesan kepada semua warga kerja saya agar berhati-hatilah dijalan raya semasa memandu. Ingatlah orang tersayang yang sentiasa mengharapkan kepulangan kita dengan selamat.
- Patuhilah arahan pihak berkuasa tambahan lagi pada Ops Sikap yang ke 21 ini dan jangan terlalu tergesa-gesa untuk sampai ke kampung halaman. Sesungguhnya keselamatan anda adalah kebahagiaan semua.
- Seperti yang kita ketahui di setiap saluran media massa kebelakangan ini, tidak lekang dari melaporkan pelbagai kecelakaan semasa dijalan raya. Dan saya mendoakan agar kecelakaan itu tidak akan membelenggu warga UniMAP.

Hadirin sekalian,

- Baru-baru ini UniMAP telah mengambil bahagian dalam Malaysia Teknologi Eksspo (MTE) yang ke – 9, diadakan di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Dan saya dikhabarkan pada eksspo berkenaan UniMAP merangkul dua pingat emas, lapan perak dan 12 gangsa.
- Dua pingat emas tersebut adalah dari produk ciptaan Prof. Dr. Ismail Daut yang bertajuk ‘Photovoltaic and Wind Power Hybrid System Using Smart Relay’ dan produk ciptaan Rosnazri Ali bertajuk ‘Universal Power Switching Generator’. Syabas dan tahniah saya ucapkan.
- Kejayaan ini adalah permulaan kita bagi tahun 2010 ini dan insyaallah pelbagai kejayaan dalam bidang penyelidikan mahupun akademik bakal kita kecapi selagi hasrat dan keinginan masih membara dijiwa setiap warga UniMAP. Saya menyeru kepada semua warga UniMAP agar sama-sama menggembling tenaga dan idea dalam mencorak UniMAP ke arah yang lebih cemerlang, gemilang dan terbilang.
- Jangan mudah berpuas hati dengan apa yang kita miliki hari ini tetapi terus bangkit dan berusaha untuk memperolehi yang lebih baik dari hari ini. Walaupun

usia saya sudah mencecah 55 tahun hari ini, namun keinginan untuk melihat UniMAP berkembang pesat, masih membara sehangat mentari terik ditengah hari. Justeru itu bukanlah mustahil bagi anda semua untuk membuktikannya demi semangat kecintaan kita terhadap UniMAP.

**Ikan Emas, Di Tengah Kolam,
Anak Haruan, Bermain Ditepi,
Tebarkangkan Semangat, Tingkatkan Azam,
Usaha Gigih, Tangga Kejayaan.**

**Bunga Tanjung, Ditepi Jejambat,
Dipetik Si Dara, Pujaan Hati,
Pandu Cermat, Jiwa Selamat,
Agar Yang Tersayang, Riang Menanti,**

Sekian,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.